"Hal ini kerana, margin jualan beras putih tempatan hanya RM0.50 bagi kampit beras 10kg, oleh itu, kerajaan akan menyalurkan kos pengangkutan kepada FAMA," katanya.

Katanya, isu beras bukan hanya berlaku di Malaysia tapi di negara serantau, harga runcit semasa bagi satu kilogram adalah RM2.60 di Malaysia, Thailand RM3.40, Filipina RM3.70, Vietnam RM3.50, Indonesia RM3.90, Laos RM5.50, Kemboja RM4.50, Brunei RM6.00 dan Singapura RM4.50.

"Harga beras tempatan di ASEAN paling murah kini adalah di Malaysia iaitu RM2.60," katanya.

Mohamad berkata, bukan bekalan beras berkurangan tetapi harga beras import naik mendadak, jadi pembelian beralih dari beras import ke beras tempatan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

# Mana hilang beras tempatan?

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB dan ASYRAF MUHAMMAD
utusannews@mediamulia.com.my



KEKURANGAN bekalan beras tempatan terus menjadi persoalan di sebalik pengeluaran beras tempatan dikatakan 60 sehingga 65 peratus setahun.

**ARAU:** Isu kekurangan bekalan beras tempatan (BPT) di pasaran terus berlarutan meskipun pengeluaran beras tersebut dikatakan antara 60 sehingga ke 65 peratus setahun sekali gus menimbulkan persoalan ke mana hilangnya bekalan berkenaan yang kini didominasi oleh beras import.

Bagi pesawah, mereka melihat isu berkenaan lebih kepada tindakan manipulasi daripada pihak pemborong yang didakwa mencampur 65 peratus beras tempatan ke dalam kampit beras import bagi mengaut lebih keuntungan.

Terus menjadi persoalan bagaimana beras tempatan boleh berkurangan dengan dalam konteks Perlis sahaja, negeri ini menyumbang kira-kira 11 peratus kepada pengeluaran beras negara.

Seorang pesawah, Sukardi Md. Dali berkata, dia melihat isu berkenaan disebabkan tindakan manipulasi pihak pemborong mencampur beras tempatan dalam kampit beras import memandangkan harga beras import tidak ada kawalan yang boleh memberi lebih untung.

Katanya, sepatutnya bekalan beras tempatan mencukupi memandangkan pengeluarannya sekitar 60 sehingga 65 peratus setahun cukup menampung dari Januari sehingga Oktober sekurang-kurangnya pada setiap tahun.

Katanya, isu kekurangan beras tempatan ini tidak pernah berlaku sebelum ini dan pihak bertanggungjawab perlu melihat serius perkara berkenaan memandangkan ia memberi kesan kepada rakyat membeli beras import dengan harga jauh lebih mahal berbanding tempatan.

"Agensi berkaitan kena satu langkah ke hadapan dalam berdepan pemborong-pemborong ini, kalau tidak masalah manipulasi beras ini sukar diselesaikan.

"Beras import tidak ada kawalan dan harganya boleh meningkat dan pengguna kini tidak ada pilihan apabila bekalan beras tempatan tidak ada," katanya.

Katanya, selain itu pesawah juga terpaksa berdepan dengan kenaikan harga benih padi daripada RM35 sehingga RM60.

Seorang lagi pesawah, Mohd. Nazri Subuh, 48, juga berpandangan sama bahawa isu manipulasi beras ini menjadi antara faktor kekurangan beras tempatan di pasaran.

Soalnya, bagaimana beras tempatan boleh berkurangan sedangkan hasil padi pesawah banyak dihantar setiap kali musim menuai.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/10/2023 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |



# 4 langkah tambahan atasi isu beras

*Oleh Muhammad Yusri Muzamir*

→ *Nasional* 4

- Ops Bersepadu Beras Putih Tempatan (BPT) akan dilancarkan mulai hari ini dan membuat analisis kimia ke atas sampel stok beras yang diambil daripada kilang beras, gudang pemborong dan pasar raya bagi mengenal pasti ketulenan jenis beras yang dijual.
- FAMA diarah tingkatkan pengedaran BPT ke kawasan luar bandar, termasuk di kedai runcit. Kerajaan akan salurkan kos pengangkutan kepada FAMA
- Perolehan pembekalan Beras Putih Import (BPI) di bawah kontrak kerajaan akan menggunakan BPI dan pembekal boleh dapatkan bekalan pada harga borong RM3,200.
- Kerajaan setuju memberi subsidi RM950 bagi setiap tan BPI untuk Sabah, Sarawak mulai 5 Oktober 2023. Harga runcit BPI di kedua-dua negeri ini akan menjadi RM31 bagi kampit 10kg.

Menteri, bekas menteri antara dipanggil PAC beri penjelasan isu projek LCS hari ini

*Nasional* 2



KPM mula ambil guru secara 'one off', khidmat kontrak atasi kekurangan tenaga pengajar di sekolah

*Nasional* 9



# Kos haji dijangka naik, TH jamin beri subsidi

**Oleh Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kos haji pada musim hadapan dijangka meningkat sehingga 11 peratus disebabkan pelbagai faktor susulan impak pasca pandemik COVID-19 yang di luar kawalan agensi pengurusan haji.

Antara faktor penyumbang ialah kos penginapan, pengangkutan, penerbangan dan makan minum di Tanah Suci, selain peningkatan kadar inflasi, nilai mata wang, caj perkhidmatan dan perubahan pada sistem, termasuk bagi permohonan visa di pihak Arab Saudi.

Perkembangan itu diperjelaskan Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Tan Sri Azman Mokhtar pada sidang media sempena Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji dan Penghargaan Sahabat Korporat Lembaga TH Bagi Musim Haji 1444H/2023M, di sini semalam.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan, TH akan tetap sedaya upaya memberikan bantuan kewangan haji atau subsidi bagi jemaah Malaysia, khususnya kepada golongan memerlukan dan berkelayakan.

Jaminan sama turut diberikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar yang turut serta pada sidang media sama, menegaskan TH akan meneruskan bantuan kewangan haji bersasar untuk jemaah B40 dan M40 bagi musim haji 1445H/2024M.

*Nasional* 7

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 3/10/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 2 |



**Minda Pengarang**

# Siasat punca beras 'hilang' elak krisis berulang

**Sehari** selepas kolom pojok Belalang di *BH Ahad* mempersoalkan punca sebenar beras tempatan 'hilang' di pasaran, akhbar ini menyiarkan laporan eksklusif di muka depannya, semalam, menyorot setiap rantaian pengeluaran bekalan makanan ruji di negara ini dan kemungkinan wujudnya ketirisan, 'tangan ghaib' atau manipulasi pihak tertentu sehingga memberi kesan dari segi bekalan dan harga pasaran. Ini kerana persoalan membelenggu pengguna, iaitu rakyat, apabila pihak terbabit dalam industri pengeluaran beras daripada pesawah, pengilang, pemborong dan peruncit saling menuding persis dalam reaksi setiap pemegang taruh dalam laporan itu, sekali gus mengingatkan kita kepada lagu rakyat, *Bangau Oh Bangau*.

Justeru, jawapan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu, semalam bahawa kekurangan bekalan beras putih tempatan itu berpunca pembelian panik dicetuskan sebuah video menyebarkan berita palsu bahawa ia bakal kehabisan dan trend pengguna terpaksa beralih kepada produk terbabit dengan tidak lagi membeli beras putih import dibimbangi hanya akan dilihat rakyat tidak lebih daripada menyambung lagu salah-menyalah atau enggan mengambil tanggungjawab sebenar. Ini diburukkan lagi dengan dakwaan kurang koordinasi antara pengurusan tertinggi KPKM dengan pembekal, pengeluar dan pesawah, selain pegawainya dikatakan jarang 'turun bendang.'

Kita tidak memerlukan jawapan retorik, jauh sekali kenyataan menyalahkan sebuah video tular disimpulkan secara simplistik yang mencetuskan 'kegawatan beras' dalam rantaian pengeluaran sehingga menjejaskan soal berkait secara langsung dengan periuk nasi rakyat. Kita minta kerajaan menyiasat pelbagai faktor gangguan bekalan, termasuk seperti diperincikan di muka depan akhbar ini seperti keengganan memproses dan kegagalan mematuhi kuota pemprosesan 20 peratus beras putih tempatan ekoran untung kecil atau beras putih import lebih menguntungkan, selain menukar kampit serta ketirisan di sempadan.

Hakikatnya, desakan siasat bukan mahu mencari 'kambing hitam', sebaliknya memastikan pihak 'menahan lukah di penggentingan' dibawa ke muka pengadilan, sekali gus dihukum atas keresahan dialami rakyat dan penambahan beban kewangan negara disebabkan kerajaan terpaksa mengambil langkah penyelesaian seperti mengadakan jualan Rahmah beras putih import dengan harga lebih rendah daripada pasaran dan arahan agensi kerajaan termasuk asrama sekolah menggunakan beras import. Malah, siasatan menyeluruh dapat membantu kerajaan memastikan krisis tidak berulang dan mewujudkan pelan luar jangkaan kerana keterjaminan makanan kita mudah terkesan dengan perubahan pasaran dunia selagi tahap sara diri beras tidak mencapai sasaran selamat.

Kita juga mengulangi seruan pernah disiarkan di ruangan ini supaya KPKM mula merangka 'naratif pertanian termaju' bersifat realistik, konkrit, strategik dan holistik terutama membabitkan bekalan berkait dengan keterjaminan makanan yang sebenarnya menjadi antara komitmen kerajaan dalam Ekonomi MADANI. Sampai masanya semua pihak daripada Kerajaan Persekutuan, negeri, industri dan rantaian pengeluaran serta pemegang taruh pelbagai institusi duduk semeja membincangkan pelan menyeluruh menyelesaikan permasalahan yang boleh dianggap sebagai isu keselamatan negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/10/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 4 |

# Pihak sorok beras diberi amaran

## Kementerian umum empat langkah tambahan atasi isu bekalan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my




*Mohamad pada sidang media khas di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Aziah Azmee/BH)

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) semalam mengumumkan empat langkah tambahan bagi mengatasi isu kekurangan beras putih tempatan dalam pasaran sejak beberapa minggu lalu.

Antara langkah itu adalah membuat analisis kimia ke atas sampel stok beras yang akan diambil di semua kilang beras, gudang pemborong dan pasar raya bagi mengenal pasti ketulenan jenis beras yang dijual di pasaran, sekali gus meneliti kemungkinan berlaku manipulasi bekalan berkenaan.

Bercakap pada sidang media khas di sini, semalam, Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu memberi amaran tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang dikenal pasti melakukan aktiviti menukar kampit, mencampurkan beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI) atau menyorok bekalan.

Ops Bersepadu Beras Putih Tempatan yang disertai Badan Kawal Selia Padi & Beras KPKM; Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN); Polis Diraja Malaysia (PDRM); Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan dimulakan hari ini.




*Keratan akhbar BH, semalam.*

Pasukan Petugas Khas Ops Bersepadu Beras Putih Tempatan itu akan diketuai Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foon Hin.

"Melalui operasi ini, kita akan membuat pemeriksaan menyeluruh rantaian industri termasuk semua kilang-kilang besar dan stor pemborong beras mulai esok (hari ini). Sampel beras akan diambil di semua kilang dan pemborong beras serta di pasar raya untuk dibuat analisis kimia," katanya.

Langkah kedua, mengarahkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk meningkatkan pengedaran BPT ke luar bandar, termasuk ke kedai runcit.

"Oleh kerana margin jualan beras putih tempatan hanya 50 sen bagi kampit beras 10 kilogram (kg), kerajaan akan menyalurkan kos pengangkutan kepada FAMA," katanya.

Selain itu, beliau berkata, semua perolehan pembekalan beras putih di bawah kontrak kerajaan akan menggunakan BPI dengan pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 (harga pintu gudang), tertakluk kepada syarat dan peraturan ditetapkan.

"Terma kontrak perolehan pembekalan beras di bawah agensi kerajaan sebelum ini termaktub menggunakan beras putih tempatan. Sehubungan itu, kerajaan memutuskan supaya perolehan baharu beras di bawah kontrak kerajaan menggunakan beras putih import," katanya.

Sidang media itu turut disertai Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras merangkap Setiausaha Bahagian Industri Padi dan Beras KPKM, Datuk Azman Mahmood; Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Shamsul Nizam Khalil.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS), Shamsul Akbar Sulaiman dan Ketua Penolong Pengarah E5, Cawangan Khas, Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Datin Seri Zalena Mohd Ariffin.

### Setuju beri subsidi

Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kota Raja berkata, kerajaan turut bersetuju memberi subsidi sebanyak RM950 setiap tan bagi bekalan BPI di Sabah dan Sarawak, mulai Khamis ini.

Menerusi kaedah itu, katanya, harga runcit BPI di kedua-dua negeri berkenaan akan menjadi RM31 bagi kampit 10kg dengan langkah terbabit diambil memandangkan pengeluaran BPT di Sabah dan Sarawak adalah terhad.

"Semua langkah intervensi tambahan ini diputuskan selepas berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya juga mahu mengingatkan orang ramai tidak membuat pembelian panik, sebaliknya hanya membeli beras mengikut keperluan isi rumah sahaja.

"Sebenarnya jumlah beras yang berada di Malaysia tidak kurang, cuma harga beras import naik secara mendadak (susulan keputusan kerajaan India mengenakan larangan eksport beras)," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata, perbincangan mengenai permintaan meningkatkan kuota import beras dari India akan dibuat bersama Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia, BN Reddy, minggu ini.

"Anwar sudah menghubungi Perdana Menteri India, Narendra Modi. Perbincangan lanjut akan diadakan bersama Reddy," katanya.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan, gangguan bekalan beras ketika ini berpunca akibat peralihan trend pembelian daripada BPI kepada BPT, susulan lonjakan harga BPI pada peringkat global.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/10/2023 | NST | MUKA DEPAN | 1 |

# 4 drastic measures to deal with rice issue



THE Agriculture and Food Security Ministry will look at ways to ease people's worries about the higher prices for imported rice and the rise in demand for local rice.

» REPORT ON **PAGE 8**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/10/2023 | NST | NEWS | 8 |



PRICE HIKE AND RISE IN DEMAND

# 4 MEASURES TO ADDRESS RICE WOES UNVEILED




*Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu speaking during a special press conference in Kuala Lumpur, yesterday.* PIC BY AZIAH AZMEE

Talks over India's rice export limit may also yield results this week, says minister

FUAD NIZAM
**KUALA LUMPUR**
fuadnizam@nst.com.my

THE Agriculture and Food Security Ministry will implement four drastic intervention measures to address the price hike of imported rice and the rise in demand of local rice.

Its minister, Datuk Seri Mohamad Sabu, said the decision was made following a meeting with Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"One of the measures is the empowerment of local white rice distribution through the Federal Agricultural Marketing Authority which will be expanded by increasing distribution in suburban and rural areas.

"For Sabah and Sarawak, the government will absorb the price of local white rice from Thursday to enable it be obtained at a retail price of RM31 per 10kg. This is because the production of local white rice in the two states is limited."

Mohamad said another measure was the new procurement of rice under the government contract, which would use local white rice.

"All suppliers will use local rice by obtaining supplies at a wholesale price of RM3,200 (warehouse price) in 50kg bags subject to conditions and regulations that have been set. This is to give priority to the supply of rice to the people.

"We will also be launching the Integrated Special Task Force for the Enforcement of White Rice Operations involving the control of padi and rice, Domestic Trade and Cost of Living Ministry enforcement division, police, Royal Malaysian Customs Department and Malaysian Quarantine and Inspection Services Department," he said at a special press conference yesterday.

Mohamad added that the operation will focus on inspection and enforcement at all levels of the local white rice supply chain.

"Rice samples will also be taken at all rice mills, wholesale warehouses and supermarkets for chemical analysis to ensure there is no manipulation of the commodity."

Meanwhile, Mohamad said government-to-government (G2G) talks over the rice export restrictions imposed by India should see an outcome by this week.

"In regard to the G2G talks with India, our prime minister made a call to Indian Prime Minister Narendra Modi. Due to the current situation faced by India, including its elections and issues with Canada, their prime minister advised for the talks to be made through representatives.

"Following this, the Indian high commissioner came to my office for discussions, and our requests will be answered by them this week. God willing, we will see a good result."

Among those present at the press conference were Agriculture and Food Security Ministry Padi and Rice Industry Division director Datuk Azman Mahmood, and Domestic Trade and Cost of Living Ministry enforcement deputy director-general Shamsul Nizam Khalil.

Mohamad earlier told the Dewan Rakyat on Sept 18 that negotiations will be made with the Indian government to find a suitable solution over the rice export restrictions made by India.

This, he had said, will be one of the efforts to help alleviate the issue of local white rice shortage in the country.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/10/2023 | THE STAR | NATION | 2 |

# Rice supply to be secured

## Increased rural supply, subsidies, alternative channels and stricter oversight planned

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Increasing the local white rice supply to rural areas and subsidising the cost of the imported grain in Sabah and Sarawak will be among the four measures to be undertaken to tackle the country's shortage, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said these measures would start on Thursday.

Mohamad said the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) had been instructed to increase local white rice distribution to rural areas, including sundry stores.

"Since the profit margin for local white rice is only 50sen per 10kg pack, the government will allocate transportation costs to Fama for distribution purposes," he told reporters here yesterday.

The imported white rice subsidies for Sabah and Sarawak would result in a 10kg pack of imported white rice costing only RM31, he added.

"The government has agreed to give a subsidy of RM950 per metric tonne of imported white rice beginning Thursday, which will see the price of a 10kg pack of imported white rice in both states costing RM31.

"This is due to the limited production of local white rice in Sabah and Sarawak," he said.

Other measures include permitting white rice suppliers contracted by the government to get imported white rice at wholesale prices.

This allows the suppliers to obtain imported white rice at RM3,200 per 50kg.

"It is subject to the terms and conditions set in place," said Mohamad.

A cross-ministerial task force was also launched yesterday, focusing on monitoring and enforcement efforts along the local white rice supply chain.

The special task force, Mohamad said, would be led by Deputy Agriculture and Food Security Minister Chan Foong Hin.

It will involve the ministry's Padi and Rice Regulatory Division, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry's enforcement division, the police, the Customs Department and the Malaysian Quarantine and Inspection Services.

"We will be doing all-round surveillance on the industry's supply chain, including production factories and millers," he said, adding that the task force would start work today.

Rice samples, said Mohamad, would also be taken from rice mills, factories and hypermarkets for chemical analysis.

"We will take strict action against anyone found guilty of mixing imported white rice with local white rice or even hiding their local white rice stocks," he said.

He also reminded members of the public to remain calm and only purchase rice according to their needs.

Mohamad said the outcome of talks between the Malaysian and Indian governments to find a solution to India's white rice export restrictions would also be known this week.

He said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had previously contacted Indian Prime Minister Narendra Modi to discuss the matter.

"Seeing how India is currently having elections in six states as well as other issues, the Indian government said it was better to hold discussions with the country's ambassador to Malaysia for now.

"Their ambassador came to the Agriculture and Food Security Ministry and discussed the matter with me.

"Our requests will be answered later this week.

"Our government-to-government (G2G) relations with India are good. God willing, we will get a favourable result," he said.

In response to a question on whether the scarcity of local white rice was due to mills not wanting to produce rice due to the low ceiling price as well as the small profit margins, Mohamad said this was due instead to consumer behaviour.

"There is no shortage. Consumers shifted from imported white rice to local options due to the cheaper prices offered," he said.

The government, said Mohamad, would also study the needs of those involved in the rice supply chain from time to time, including increasing the ceiling price of local white rice.

The current price of local white rice is RM2.60 per kg, which was implemented in 2018.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/10/2023 | THE SUN | NEWS | 4 |




Mohamad (centre) fielding questions at a press conference yesterday. – *BERNAMAPIC*

# New steps to alleviate rice issue

**KUALA LUMPUR:** Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has approved the implementation of four additional intervention measures to overcome the rice supply issue in the country.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said these included directing the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) to increase the distribution of local white rice in rural areas, including sundry shops.

"Because the sales margin of local white rice is only 50 sen per 10kg, the government will bear the transport costs for Fama," he said yesterday.

Mohamad added that for Sabah and Sarawak, the government agreed to grant a subsidy of RM950 per tonne for imported white rice beginning Thursday, making it available at a retail price of RM31 per 10kg. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/10/2023 | SINAR HARIAN | JERLUN | 28 |

# Sedih tengok padi terendam



Banjir yang melanda daerah Kubang Pasu baru-baru ini mengakibatkan tanaman padi di Kampung Gurindam, Mukim Jeram, Jerlun terjejas.



MEGAT SALEHUDIN



MEGAT MUSTAFA



HASHIM

Petani rugi besar, tanaman sepatutnya boleh dituai terjejas akibat banjir

**Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR**
JERLUN

Kira-kira 50 petani mendakwa mereka berputih mata kerana mengalami kerugian puluhan ribu ringgit apabila tanaman padi diusahakan terendam di dalam air banjir di Kampung Gurindam, Mukim Jeram, dekat sini, baru-baru ini.

Seorang petani, Megat Salehudin Megat Mustafa, 50, berkata, padi seluas hampir 31 hektar tersebut sepatutnya dapat dituai pada minggu lalu namun hujan lebat menyebabkan banjir, sekali gus pokok padi terendam di dalam air.

Menurutnya, para petani dibekalkan pam air oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk mengeluarkan air dari petak sawah namun mengambil masa kerana melibatkan kawasan yang luas.

"Air (di dalam petak sawah) terlalu lama untuk dikeluarkan jadi padi kalau dalam air ini (terendam) seminggu sahaja, pokok padi boleh mati.

"Kami terpaksa menangung kerugian besar pada tanaman musim kali ini," katanya semasa ditemui di Kampung Gurindam, di sini pada Isnin.




Seorang lagi petani, Hashim Ahmad,57, mendakwa, tali air yang disediakan bagi tujuan pengairan di kawasan tanaman padi tersebut juga kecil.

Tambahnya, tali air itu turut dipenuhi rumpai air mengakibatkan aliran air tidak dapat keluar ke sungai dengan sempurna.

"Bila hujan turun dalam dua jam, seminggu lebih baru air nak surut. MADA ada hantar pam pakai bateri tapi jadi masalah pula pada kami. Kami minta pam elektrik tapi mereka bagi pam bateri," jelasnya.

Seorang lagi petani, Megat Mustafa Megat Harun, 79, pula memohon agar pihak berwajib dapat membantu menyalurkan wang ihsan kepada mereka untuk dijadikan modal bagi tanam semula padi pada musim akan datang.

Jelasnya, bantuan yang dihulurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sangat diharapkan oleh para petani di sebalik peningkatan kos sara hidup.

"Saya tengok anak-anak buat bendang (tanam padi) pun kasihan sebab kadang-kadang tak balik modal (tiada keuntungan)," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/10/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 19 |

# 'Sudah dua bulan beras tempatan tiada'

## *Peniaga turut akui sukar untuk peroleh daripada pembekal*

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Beras putih tempatan masih sukar diperoleh walaupun kerajaan menyatakan stoknya di pasaran kembali stabil pada minggu ini.

Tinjauan Harian Metro di beberapa kedai runcit dan pasar raya di Chow Kit sebaliknya mendapati yang dijual kepada orang ramai hanyalah beras putih import.

Peniaga, Srinivas Chintapalli, 24, turut mengakui pihaknya sukar untuk memperoleh beras putih tempatan daripada pembekal.

"Sudah dua bulan beras tempatan ini tiada. Sekarang pun masih tak dapat lagi. Bila saya pesan daripada pembekal, yang hanya dapat beras import sahaja," katanya ditemui, semalam.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin dilapor berkata, stok beras putih tempatan di pasaran kembali stabil pada minggu ini berbanding minggu lalu.

Foong Hin berkata, keadaan positif itu berikutan kurangnya pembelian panik oleh pengguna dan peniaga.

Mengulas lanjut, daripada segi harga penjualan beras import, Srinivas menyatakan, ia meningkat sebanyak dua kali sepanjang September.

Menurutnya, bagi beras pek 10 kilogram (kg), harganya meningkat sehingga RM7 dalam tempoh sebulan.

"Kenaikan pertama membabitkan RM3.50 dan kenaikan berikutnya juga RM3.50. Bagi beras pek 5kg, ia hanya naik sekali iaitu RM3.50," katanya.

Menurutnya,. harga terkini beras import pek 10kg adalah RM40.50 manakala untuk 5kg, sekitar RM20.50.

Seorang lagi peniaga, Kholisatul Afifah Mohd Sholadi, 26, sependapat dengan Srinivas.

"Kami sudah lebih dua bulan tidak mendapat bekalan beras putih tempatan.

"Kita dapat beras import sahaja sekarang. Bila kita jual beras import ini, orang ramai mengeluh sebab harganya mahal," katanya.

Kholisatul juga menyatakan, daripada segi harga, beras putih import mengalami dua kali kenaikan pada September membabitkan pek 10kg.

"Manakala bagi beras 5kg, ia hanya naik sekali iaitu pada harga kira-kira RM1.

"Dulu kami jual beras import 5kg ini RM19.90, sekarang RM20.90," katanya.

Dia turut tidak menolak kemungkinan harga beras putih import akan meningkat pada masa depan.

Pesara guru, Wan Mohammad Wan Hussin, 60, pula meluahkan keluhannya disebabkan kesukaran untuk mendapatkan beras putih tempatan di pasaran.

"Beras putih tempatan yang murah ini susah nak dapat, tapi beras import mudah nak dapat. Disebabkan beras tempatan tiada, kami terpaksa beli beras import," katanya.



SRINIVAS ketika ditemui di kedai beliau ketika tinjauan bekalan beras tempatan di Pasar Chow Kit. - Gambar NSTP/GENES GULITAH

**"Kenaikan pertama babitkan RM3.50 dan kenaikan berikutnya juga RM3.50. Bagi beras pek 5kg, ia hanya naik sekali iaitu RM3.50"**

**"Kita dapat beras import sahaja sekarang. Bila kita jual beras import ini, orang ramai mengeluh sebab harganya mahal"**



**"Beras putih tempatan yang murah ini susah nak dapat, tapi beras import mudah nak dapat"**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 3/10/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |



RUBIAH (tengah) mendengar penerangan petani Othman Hamid (kiri) ketika lawatan kerja ke Taman Agroteknologi Pertanian dikenali PERDA Food Valley. Turut bersama mengiringi Mohd Asri (dua dari kanan) dan Mohd Muhaimin (kanan). - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

PERDA FOOD VALLEY

# Inisiatif memperkasa sekuriti makanan negara

**Tasek Gelugor**

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menyokong penuh usaha Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Jabatan Pertanian negeri itu yang menggunakan formula modul penggiliran tanaman bagi membangunkan Taman Agroteknologi Pertanian dikenali PERDA Food Valley di atas tanah seluas 138 hektar.

Selain menjamin serta meningkatkan sekuriti makanan negara, ia sekali gus membolehkan petani yang terbabit menjana pendapatan secara optimum.

Timbalan Menteri KKDW Datuk Rubiah Wang berkata, walaupun menggunakan kaedah konvensional dan teknologi yang minimum, modul digunakan itu amat bagus dari sudut infra dan pengurusan ladang yang ia dilaksanakan peserta sendiri.

"Dalam lawatan ini, saya sendiri tertarik dengan format pembangunan (modul penggiliran tanaman) yang dilakukan di sini yang mana tanaman sayur atau buah yang berbeza diusahakan di kawasan sama mengikut urutan.

"Ini satu langkah proaktif untuk menggalakkan ladang ditadbir secara komersial dan pada masa sama dapat hasilkan sebanyak mungkin pengeluaran makanan.

"Jadi, pendekatan dilakukan Perda dan Jabatan Pertanian ini saya rasa perlu dikembangkan juga kepada agensi lain (dibawah KKDW) sebab pendekatan ini lebih berfokus dan melepasi kriteria serta bantu peserta yang terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan kerja bersama Pengurus Besar PERDA Mohd Asri Baharum dan Pengarah Pertanian negeri Mohd Muhaimin Ibrahim bagi meninjau perkembangan operasi Perda Food Valley di Ara Kuda, di sini, baru-baru ini.

Dalam lawatan hampir dua jam itu, Rubiah dibawa melawat di dua lot ladang menempatkan pelbagai tanaman sayur antaranya bayam, kangkung, bendi dan peria.

Mengulas lanjut, Rubiah berkata, pengeluaran hasil daripada PERDA Food Valley itu telah mencecah 4,201 metrik tan bersamaan lebih RM6.35 juta sehingga Ogos lalu.

"Kawasan ini diusahakan dengan tanaman kontan antaranya sayur daun dan sayur buah dengan penyertaan seramai 130 peserta atau syarikat," katanya.

Sementara itu, Mohd Asri berkata, PERDA keseluruhannya mempunyai tanah seluas lebih 428 hektar untuk pembangunan projek pertanian dan aktiviti penternakan.

"Projek ini dilaksanakan sejak 2006 yang bermula pada skala amat kecil tetapi ia dikembangkan dari semasa ke semasa sehingga satu kerjasama ditandatangani bersama Jabatan Pertanian.

"Kerjasama ini amat bermakna kerana ia sekali gus menangani isu ketidakcekapan peserta yang berlaku sebelum itu memandangkan tiada garis panduan khusus," katanya.

Jelasnya, dengan bantuan Jabatan Pertanian semua peserta mengikut garis panduan yang ditetapkan dan menjadikan program yang dilaksanakan lebih sistematik.

"Hasilnya, peserta terlibat menghasilkan tanaman pertanian yang memberangsangkan dan kita berharap ia akan berterusan dalam membolehkan kita dapat menjadi salah satu agensi yang boleh menyumbang kepada program sekuriti makanan," katanya.



RUBIAH (tengah) melawat PERDA Food Valley seluas 138 hektar diusahakan seramai 130 peserta dan syarikat.



"Ini satu langkah proaktif untuk menggalakkan ladang ditadbir secara komersial dan dapat hasilkan sebanyak mungkin pengeluaran makanan
Rubiah

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA INOVASI | 26 |



MAMPU memerangkap 500 kilogram SG per musim.



PERANGKAP yang dipasang pada kawasan sawah padi.



# Perangkap siput gondang efisien tingkat hasil pesawah

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR
intan.suhana@mediamulia.com.my

BAGAIKAN isi dengan kuku, begitu juga siput gondang dan sawah padi. Ia bagai tidak boleh dipisahkan.

Malah, berdasarkan kajian, Siput Gondang (SG) atau nama saintifiknya Pomacea sp; merupakan perosak utama tanaman padi di dunia.

Menyedari permasalahan itu, sekumpulan penyelidik Jabatan Pertanian dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia (UTM) membangunkan inovasi perangkap siput gondang bagi menangani permasalahan tersebut.

Inovasi yang dijenamakan sebagai SG Gold itu berfungsi memerangkap siput gondang dalam petak sawah padi dengan menarik siput gondang memasuki perangkap melalui lubang yang disediakan.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Negeri Johor, Zaiti Akmal Dahlan berkata, idea menghasilkan perangkap berkenaan hasil daripada aduan pegawai pertanian, pengusaha sawah padi dan pelbagai agensi terlibat.

Kebanyakan daripada mereka mengalami kerosakan dan kerugian hasil tanaman disebabkan oleh serangan perosak berkenaan.

"Jadi, kita hasilkan alat kawalan siput gondang ini yang didatangkan sekali dengan umpan yang berbau untuk menarik siput memasuki perangkap.

"Umpan ini diperbuat daripada durian yang telah diadunkan dengan beberapa ramuan yang telah kita kaji dan ia mampu menarik perhatian siput kerana spesies berkenaan mudah tertarik

> **"Jadi, kita hasilkan alat kawalan siput gondang ini yang didatangkan sekali dengan umpan yang berbau untuk menarik siput memasuki perangkap."**

dengan bau yang kuat," katanya.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengurangkan penggunaan racun perosak dalam kalangan petani.

Hal ini kerana, perosak invasif itu dikatakan boleh merebak dengan sangat cepat dan sukar di kawal.

"Siput ini boleh menghasilkan telur sehingga 8,000 biji sepanjang hayatnya dan boleh memusnahkan



SG Gold yang ditambahbaik namun masih dalam peringkat prototaip.

kawasan padi seluas satu meter persegi dalam tempoh 24 jam.

"Ia sangat sukar dikawal kerana ketika waktu kering ia akan masuk ke dalam tanah sedalam tiga meter dan mampu hidup tanpa air," jelasnya lanjut.

Oleh itu, penggunaan perangkap secara berterusan sangat disyorkan bagi mengawal SG dengan lebih baik.

Waktu penggunaan yang terbaik adalah 20 hari sebelum tabur benih dan 40 hari selepas proses berkenaan.

"Jadi, kita cadangkan sekitar 60 hari sahaja untuk pasang perangkap kerana pada peringkat itu padi baru hendak tumbuh dan siput kebiasaan akan makan anak padi.

"Mengikut kajian kita, bagi kawasan seluas satu hektar memerlukan tiga perangkap untuk hasil yang optimum, tetapi lebih banyak lebih baik," tambahnya lagi.

### KEBERKESANAN MELEBIHI 50 PERATUS

Mengulas dari segi penggunaan, katanya, setelah dipasang, perangkap akan diperiksa setiap tiga hari.

Keberkesanan yang direkodkan mendapati berjaya mengurangkan kos kawalan perosak SG kepada 63 peratus selain menjimatkan tenaga kerja daripada dua orang kepada satu orang sahaja.

Dalam pada itu, inovasi yang memenangi Anugerah Istimewa di Seoul International Invention Fair (SIIF) 2022 itu juga mampu memberi jaminan keselamatan makanan dan tenaga kerja dengan pengurangan penggunaan racun perosak.

Ia juga mampu meningkatkan produktiviti tanaman dengan mengurangkan serangan siput gondang emas dari 2.66 peratus kepada 2.20 peratus serta meningkatkan prestasi kerja pegawai dalam menjalankan kerja bancian SG.

Hasil petani juga dijangka meningkat dari 4.08 tan semusim kepada 5.86 tan semusim.

Buat masa ini, inovasi itu telah digunapakai di beberapa sawah di Malaysia seperti di Johor, Pulau Pinang, Pahang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Bagi meningkatkan lagi kualiti, ia kini sedang menjalani beberapa proses penambahbaikan.

"Selain itu, penambahbaikan ini juga diharap dapat mengurangkan kos bagi mengurangkan beban terhadap pesawah.

"Bagi perangkap lama beserta dua umpan harga mencecah RM400," ujarnya yang berkata produk yang ditambahbaik itu belum sedia untuk dikomersialkan.